

Gerakan terus terajui Pulau Pinang

BH 24 SEP 2000

GEORGETOWN: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jaminan parti Gerakan akan terus diberi kepercayaan menerajui kerajaan Pulau Pinang atas dasar semangat maufakat Barisan Nasional.

Beliau yang juga Pengerusi BN, berkata walaupun Umno pernah menang 12 kerusi dan Gerakan hanya tujuh kerusi pada pilihan raya umum 1990, atas semangat BN, Gerakan tetap diberi peluang menerajui Pulau Pinang.

“Untuk parti komponen lain, kita beri pertimbangan yang lain dan jawatan yang lain. Kita cuba memuaskan hati semua pihak, tetapi sudah

tentu kita tidak dapat memuaskan hati semua orang,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Kebangsaan ke-29, di Hotel Equatorial, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, Pulau Pinang adalah pangkalan parti Gerakan yang utama sejak ditubuhkan dan mempunyai keahlian yang ramai hingga negeri ini menjadi kubu terkuatnya.

Katanya, dari Pulau Pinang parti Gerakan berkembang ke seluruh tanah air khususnya negeri pantai Barat Semenanjung dan kini terus berpengaruh serta menjadi satu daripada komponen

BN yang begitu teguh dan setia.

Beliau berkata, dengan semangat kesetiaan dan setiakawan di kalangan anggota parti komponen BN, Gerakan terus diberi kepercayaan menerajui kerajaan negeri dan mempunyai Ketua Menteri daripada parti itu.

“Jika sekalipun bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diduduki Gerakan adalah kecil sedikit daripada parti komponen lain sama ada Umno atau MCA, teraju pemerintahan negeri ini terus diberikan pada Gerakan.

LIHAT MUKA 2

Gerakan terus terajui Pulau Pinang

DARI MUKA 1 BH 24 SEP 2000

“Inilah semangat musyawarah yang ditunjukkan parti komponen BN. Kita cuba mengagihkan peranan parti komponen BN supaya semua parti mendapat tempat dan tidak ada parti ketinggalan,” katanya.

Perdana Menteri, bagaimanapun berkata, keadaan itu bukanlah mudah kerana ada jawatan yang amat diminati semua pihak tetapi tentulah tidak dapat diberikan kepada semua.

Katanya, perpaduan dalam parti campuran negara lain tidak berjaya kerana berlaku perebutan tempat. Apabila ada pihak yang kecewa, maka ia akan keluar parti campuran dan akan runtuhlah kerajaan.

“Tetapi, dalam BN walaupun ada perebutan tetapi kesederhanaan dan kesanggupan bertolak ansur dan mene-

rima kenyataan membolehkan kita terus bersatu padu dan mengekalkan kuasa kita.

“Saya harap kita daripada semua parti akan bersikap demilcian supaya negara kita terus memiliki kerajaan yang kuat dan dapat menstabilkan dan memajukan negara,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai pertemuannya dengan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan Cina (Suqiu) baru-baru ini, Dr Mahathir, berkata beliau sudah memberi penjelasan kepada jawatankuasa terabit.

“Saya mendengar penjelasan mereka dan mereka juga mendengar penjelasan saya. Saya percaya mereka memahami isu berkenaan dengan lebih baik sekarang,” katanya.